



قجابه فر بندهار أن نكري ترغكانو

PEJABAT PERBENDAHARAAN NEGERI TERENGGANU

Tingkat 3 & 4, Wisma Darul Iman,
20592 Kuala Terengganu,
Terengganu.

Telefon : 09-623 1957
Faks : 09-623 7949 (Perb. Tr)
: 09-626 7948 (Bend. Tr)
E-mel : perbendaharaan@terengganu.gov.my

PERB.TR. U/16/01/01/4-(21)

08 Mei 2019.

03 Ramadan 1440.

Kepada: Seperti Di Senarai Edaran Berkembar.

YB Dato'/Y.Bhg.Dato'/Tuan,

**PEKELILING PEJABAT PERBENDAHARAAN NEGERI BIL. 2 TAHUN 2019
(GARIS PANDUAN BAGI PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN BAJET
NEGERI TAHUN 2020)**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

- /// 2. Bersama-sama ini dikembarkan satu salinan pekeling tersebut untuk panduan jabatan YB Dato'/Y.Bhg.Dato'/Tuan bagi Penyediaan Anggaran Bajet Tahun 2020. Pekeling ini juga boleh dimuat turun melalui Laman Web Perbendaharaan Negeri Terengganu.

Sekian, terima kasih.

" TERENGGANU MAJU, BERKAT,SEJAHTERA "
' BERKHIDMAT UNTUK NEGARA '

Saya yang menjalankan amanah,

(~~HAJI AZHAR BIN JUSOH~~)
Timbalan Pegawai Kewangan Negeri
b.p.Pegawai Kewangan Negeri
Terengganu.

s.k. Seperti di senarai edaran berkembar.

A.Mejid – samb: 6276283 (Surat Belanjawan)

"Berbelanja Berhemat, Membawa Keberkatan"

Sila nyatakan rujukan kita apabila menjawab



PEJABAT PERBENDAHARAAN NEGERI TERENGGANU
PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI BIL.2 TAHUN 2019

Semua Pegawai Pengawal
Jabatan Negeri
Terengganu

**GARIS PANDUAN BAGI PENYEDIAAN CADANGAN
ANGGARAN BAJET NEGERI TAHUN 2020**

TUJUAN

1. Tujuan pekeliling ini adalah untuk memberi panduan dalam menyediakan cadangan anggaran perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan Negeri Terengganu bagi tahun 2020.

SENARIO EKONOMI NEGARA

2. Ekonomi Malaysia kekal berdaya tahan dan terus berkembang kukuh meskipun dalam keadaan ekonomi global yang semakin mencabar dan tidak menentu. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) mencatat pertumbuhan yang lebih rendah sebanyak 4.7 peratus pada tahun 2018 berbanding 5.9 peratus pada tahun 2017 disokong oleh kegiatan ekonomi domestik yang kukuh dan prestasi sektor luar yang memberangsangkan.

3. Bagi tahun 2019, prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka terus mengekalkan momentum pertumbuhan dengan KDNK diunjur berkembang 4.3 – 4.8 peratus diterajui oleh permintaan domestik yang berdaya tahan. Namun demikian, prestasi eksport dijangka berkembang secara sederhana selari dengan aktiviti perdagangan global yang lebih perlahan.

SENARIO EKONOMI NEGERI

4. Kadar Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Negeri Terengganu dijangka tumbuh sederhana sebanyak 5.0 peratus pada tahun 2018 berbanding 5.9 peratus pada tahun 2017. Ekonomi negeri secara langsung menerima kesan krisis mata wang, kewangan dan perang perdagangan di peringkat global. Penyusutan dalam sektor pertanian dan pembinaan telah memperlahankan prestasi keseluruhan KDNK. Walau bagaimanapun, sektor perkhidmatan terus menjadi pemacu pertumbuhan dengan peningkatan dalam sub sektor perdagangan borong dan runcit, utiliti, pengangkutan dan penyimpanan, maklumat dan komunikasi serta perkhidmatan kerajaan.

5. Kerajaan Negeri komited untuk terus mengamalkan kawalan perbelanjaan tahunan jabatan dan agensi Kerajaan Negeri serta memastikan kedudukan kewangan negeri terus kukuh dalam jangka masa sederhana dan panjang. Pengurusan fiskal yang berhemat dapat dipertingkatkan melalui perbelanjaan yang cekap dan produktif serta berintegriti. Antara kawalan perbelanjaan yang boleh dilaksanakan adalah melalui penyusunan semula keutamaan pengurusan / projek supaya perbelanjaan lebih terarah, pengurangan perbelanjaan yang tidak kritikal, semakan semula keperluan sebenar pengisian jawatan dan bilangan perjawatan serta memastikan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri sentiasa terkawal dan mengelakkan pembaziran.

TERAS BAJET TAHUN 2020

6. Cadangan Bajet 2020 perlu mengambilkira cabaran-cabaran akibat ketidaktentuan harga minyak mentah global meskipun ianya dilihat berada dalam trend meningkat. Cadangan Bajet 2020 mestilah menepati dasar-dasar yang telah diputuskan Kerajaan Negeri serta mengambilkira Hasil Negeri. Di samping itu, cadangan program/projek perlulah melihat kepada impak dan keperluan serta kehendak semasa rakyat.

7. Teras Bajet 2020 adalah tertumpu kepada Pelan Induk Terengganu Sejahtera (PITAS) 2030 dengan tema 'Terengganu Maju, Berkat, Sejahtera', yang mengutamakan pematuhan kepada prinsip-prinsip Islam dalam memastikan kelestarian pembangunan sosial dan ekonomi rakyat serta negeri.

8. Kerajaan Negeri akan mengalami kekurangan hasil pendapatan royalti minyak mentah daripada Kerajaan Persekutuan. Namun, Kerajaan Negeri komited untuk mengurus perbelanjaan dan mengawal aliran tunai negeri melalui pengurusan perbelanjaan yang berdisiplin dan ketat. Di antara langkah yang diambil ialah:

- i. Pelaksanaan kawalan dalaman yang lebih ketat;
- ii. Penilaian semula peruntukan;
- iii. Pengurangan perbelanjaan; dan
- iv. Peningkatan hasil

9. Di samping usaha-usaha meningkatkan hasil kerajaan, pertumbuhan dalam perbelanjaan juga perlu dikawal tetapi tanpa menjejaskan penyampaian perkhidmatan awam. Ini bermakna dalam membuat perancangan perbelanjaan tahun 2020, semua jabatan/agensi perlu mengambil langkah proaktif untuk mengawal pertumbuhan perbelanjaan.

10. Pegawai Pengawal hendaklah melaksanakan langkah berjimat cermat dengan dimulakan di peringkat perancangan lagi, mengurangkan perbelanjaan kepada tahap sebenar dan optimum dan membuat penilaian tahap keberkesanan kos (*cost effective*) dengan pencapaian matlamat yang telah ditetapkan. Kaedah pengurusan nilai (*value management*) perlu diterapkan dalam pengurusan projek/program bermula dari peringkat awal lagi bagi mencapai *value for money*.

11. Pegawai Pengawal diminta mengambil langkah-langkah meningkatkan keberkesanan perbelanjaan awam dan mengutamakan keberhasilan (*outcome*) dalam melaksanakan sesuatu program/projek. Oleh itu dalam merancang dan melaksanakan sesuatu program/projek, penekanan hendaklah diberikan kepada impak dan keberkesanannya berbanding mementingkan perbelanjaan dan output supaya menepati konsep Bajet Berasaskan *Outcome* (*Outcome Based Budgeting* - OBB).

12. Pegawai Pengawal juga hendaklah memberi tumpuan kepada perbelanjaan yang benar-benar penting yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang mampan dan kesejahteraan rakyat serta pada masa yang sama mengelakkan berlakunya pembaziran dan ketirisan. Semua perancangan dan pelaksanaan program/projek hendaklah yang benar-benar perlu sahaja, yang merupakan tanggungjawab sebenar Kerajaan Negeri dan mampu memberi impak langsung serta maksimum kepada rakyat.

PENYEDIAAN ANGGARAN BAJET TAHUN 2020

13. Selari dengan tema 'Terengganu Maju, Berkat, Sejahtera', setiap pembangunan infrastruktur dan ekonomi yang dirancang hendaklah berpaksikan kepada prinsip Islam yang bebas riba, rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa demi kemakmuran pentadbiran dan pembangunan negeri. Justeru, dalam menghadapi senario kekangan kewangan semasa dan pada masa yang sama, bagi mendapat impak dan *outcome* sebaik

mungkin, konsep pengurusan perbelanjaan berasaskan Al-Ubudiyyah, Al-Adalah dan As-Syura adalah difikirkan bersesuaian dalam menentukan keutamaan dalam perancangan dan pelaksanaan program serta projek yang dikemukakan.

14. Bagi mencapai matlamat untuk mengurus perbelanjaan dengan secara lebih berkesan dan memastikan perbelanjaan awam adalah berasaskan kepada prinsip penggunaan sumber secara optimum, merangsang pertumbuhan ekonomi dan memberi *value for money*, Pegawai Pengawal hendaklah mengambil langkah-langkah berikut:

- i. Mematuhi garis panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa dan masih berkuat kuasa bagi mengawal perbelanjaan awam seperti **Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PB 3.1 Garis Panduan Langkah-Langkah Mengoptimumkan Perbelanjaan Kerajaan, Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bil 2 Tahun 2016 dan Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bil 1 Tahun 2019**;
- ii. Menilai, mengubahsuai dan menyusun semula program/projek berdasarkan keutamaan semasa, mengelak pertindihan program/projek dengan jabatan/agensi persekutuan dan menghentikan program/projek yang didapati tidak lagi sesuai;
- iii. Menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi semua perbelanjaan komited terutamanya yang berkontrak;
- iv. Menyediakan peruntukan emolumen secukupnya termasuk bagi pegawai/kakitangan khidmat singkat/kontrak yang dibayar di bawah Objek Sebagai 29000;
- v. Memberi penekanan kepada penjimatan dalam penggunaan utiliti dan pelaksanaan aktiviti yang tidak kos efektif;
- vi. **Memastikan yang penganjuran majlis-majlis rasmi termasuk seminar/pameran/kursus hanya kepada yang perlu sahaja, dibuat secara sederhana dan hanya boleh dijalankan dalam negeri sahaja. Keutamaan hendaklah diadakan di bangunan/premis kerajaan. Pemberian *door gifts, goodies* terutama baju korporat, baju-t, cenderahati adalah dilarang kecuali berbentuk bahan bacaan;**
- vii. Menghadkan perjalanan/lawatan ke luar negara kepada yang benar-benar perlu sahaja dan pada kos yang berpatutan;
- viii. Mengambil kira penyelenggaraan aset termasuk bangunan, peralatan dan kelengkapan serta implikasi kewangan lain yang

menjurus kepada perbelanjaan berulang (belanja pengurusan) selepas sesuatu program/projek siap;

- ix. Mengambil kira faktor kewangan dan keupayaan untuk melaksana program dan aktiviti oleh jabatan/agensi;
- x. Semua mesyuarat hendaklah diadakan dalam premis jabatan sahaja. Mesyuarat di luar premis jabatan adalah dilarang sama sekali;
- xi. Perbelanjaan makan minum semasa mesyuarat hendaklah dihadkan. Amalan makan tengahari/minum petang selepas mesyuarat adalah tidak digalakkan. Jabatan/Agensi hendaklah mematuhi kadar harga makanan sebagaimana Pekeliling Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu Bil 29 Tahun 2005 – Pindaan Kadar Harga Makanan Untuk Jamuan-Jamuan Yang Dianjurkan oleh Sesebuah Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri; dan
- xii. Mematuhi garis panduan pembelian tiket kapal terbang secara beli dan tuntutan sebagaimana Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bil. 2 tahun 2018.

15. Penyediaan Anggaran Bajet Tahun 2020 hendaklah dibuat melalui talian terus dengan menggunakan Modul Bajet dalam Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Negeri (SPEKS).

Anggaran Hasil Tahun 2020

16. **Pegawai Pemungut** hendaklah menyediakan **Anggaran Hasil Tahun 2020**. Jumlah anggaran hasil hendaklah seboleh-bolehnya tepat dan sebenarnya boleh dikutip. Untuk tujuan ini cadangan hasil boleh disediakan dengan mengambil kira rekod prestasi kutipan hasil yang lepas, perubahan dasar atau peraturan atau kadar dan kemampuan mengutip tunggakan hasil.

Perbelanjaan Mengurus Tahun 2020

-17. **Kaedah Batas Perbelanjaan (Expenditure Target – ET)** yang diluluskan dalam Bajet 2019 bagi setiap jabatan adalah digunakan bagi Bajet 2020 tetapi akan disemak semula dari semasa ke semasa dalam usaha mengurangkan perbelanjaan kerajaan di samping memastikan aktiviti dalam ekonomi berterusan.

18. Oleh itu, keperluan tambahan peruntukan bagi menampung kenaikan emolumen dan keperluan yang lain hendaklah diambil daripada penyelarasan

semula peruntukan OSOL yang lain atau penjimatan melalui pemansuhan atau pengecilan skop program/aktiviti sedia ada. Dalam hubungan ini Pegawai Pengawal hendaklah mengambil langkah-langkah perlu seperti melaksanakan penjimatan, menyusun semula program mengikut keutamaan atau menangguhkan program/aktiviti yang tidak kritikal bagi melaksanakan program/aktiviti penting lain berdasarkan kepada had cadangan perbelanjaan yang ada.

19. Peruntukan emolumen tidak perlu disediakan bagi jawatan yang baru dimohon atau jawatan kosong yang belum pasti pengisiannya.

20. Peruntukan bagi caruman PERKESO kepada kakitangan kontrak/semntara hendaklah dimasukkan kira di bawah Osol 29303 untuk mengelakkan berlaku tunggakan pembayaran.

21. Cadangan pembelian harta-harta modal di bawah OSOL 35000 iaitu alat kelengkapan pejabat, perabot dan lengkapan yang lain, serta OSOL 34000 iaitu kenderaan dan jentera, tidak dibenarkan kecuali dalam keadaan yang amat perlu dan dijelaskan secara terperinci mengapa pembelian tersebut perlu juga dilakukan dan mesti mendapat kelulusan YB Pegawai Kewangan Negeri.

22. Semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) diminta mewujudkan OSOL baru berdasarkan keperluan jabatan dengan menyediakan token sebanyak RM10 bagi tujuan pindah atau menyalurkan peruntukan apabila diperlukan.

23. Dalam keadaan yang amat perlu sahaja pembelian kenderaan hanya akan dipertimbangkan kepada jabatan yang telah selesai melupuskan kenderaan lama. Bagi Jabatan Teknikal yang melupuskan jentera dan untuk memastikan gerak kerja pembangunan tidak tergendala bolehlah mengemukakan permohonan dengan syarat permohonan berkenaan sebagai gantian kepada kenderaan yang telah rosak dan penggunaannya tidak lagi ekonomik. **Amalan memasukkan anggaran aset dan keperluan lawatan dalam vot Pembangunan hendaklah dihentikan.** Keperluan ini akan dinilai secara berasingan atas dasar kes demi kes.

24. Semua cadangan peruntukan Dasar Baru dan *One-Off* hendaklah dimasukkan ke dalam permohonan cadangan bajet. Program/aktiviti baru ini hendaklah mendapat kelulusan daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN)/Jawatankuasa Tertinggi Negeri terlebih dahulu sebelum dikemukakan untuk pertimbangan Perbendaharaan Negeri. Penjelasan/justifikasi lengkap hendaklah dikemukakan menggunakan format di Lampiran A berkembar. Setiap program perlu ada ringkasan program, objektif, sasaran penggunaannya dan impak kepada golongan sasaran. Justifikasi

adalah termasuk kelulusan MMKN atau keputusan-keputusan lain oleh Kerajaan Negeri.

25. Semua penghantaran penjelasan/justifikasi termasuk peruntukan Dasar Baru dan *One-Off* hendaklah dikemukakan secara e-mel kepada alamat bajet2020@terengganu.gov.my. Semua penghantaran e-mel ini hendaklah menggunakan alamat e-mel rasmi jabatan.

Perbelanjaan Pembangunan

26. Dengan mengambilkira kemampuan sebenar dan usaha ke arah menguruskan defisit secara lebih berkesan, siling bagi peruntukan pembangunan 2019 adalah ditentukan oleh UPEN melalui arahan/ panduan selepas ini. **Usaha yang lebih gigih perlu dibuat bagi memastikan lebih banyak pelaburan melalui kaedah *Private Funding Initiative* (PFI) dilaksana di Negeri Terengganu. Konsep '*Let Managers Manage*' amatlah bertepatan dalam menentukan keutamaan projek.**

27. Penyediaan Bajet Pembangunan hendaklah mengikut tatacara yang ditetapkan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri yang dipertanggungjawabkan untuk menimbang, menyelaras dan meluluskan cadangan projek-projek pembangunan. Kaedah-kaedah seperti bayaran tertangguh (*deferred*) / berjadual (*scheduled*) hendaklah dikenalpasti dan dibuat unjuran supaya tidak melebihi jumlah bajet setiap tahun. Bagi projek yang telah diluluskan di bawah kaedah bayaran tertangguh (*deferred*) / berjadual (*scheduled*), peruntukan perlu disediakan dalam bajet 2020 (sekiranya bayaran telah ditetapkan pada tahun 2020). **Dalam meneliti dan menilai sesuatu projek, UPEN hendaklah mengambil kira bayaran projek-projek yang telah komited oleh pihak Kerajaan Negeri. Pihak UPEN akan mengeluarkan arahan dan panduan bagi menentu arah dan melaksanakan bajet pembangunan 2020.**

28. Cadangan projek pembangunan hendaklah selari dengan dasar semasa Kerajaan Negeri **dan hendaklah memberi keutamaan kepada projek-projek yang telah komited dan yang memerlukan kerja sambungan bagi menyiapkan projek-projek berkenaan.** Jabatan-jabatan yang mengendalikan projek hendaklah memastikan bahawa hanya projek berimpak tinggi dengan faedahnya terus kepada rakyat dan meningkatkan pertumbuhan ekonomi diberi keutamaan.

Perjawatan dan Penggunaan Sumber Manusia

29. Pegawai Pengawal hendaklah lebih kreatif dan berinovasi dalam menguruskan sumber manusia. Antara perkara yang boleh dilaksana ialah:

- i. Menyusun semula struktur organisasi dengan mengukuhkan perjawatan;

- ii. Mengoptimumkan penggunaan sumber sedia ada supaya dapat mengurangkan kos pengurusan iaitu perbelanjaan emolumen;
- iii. Menyusun semula (*redeployment*) dan tukar ganti (*trade-off*) perjawatan sedia ada sama ada menggunakan sumber dalaman jabatan ataupun antara jabatan/agensi (*cross agency*).
- iv. Menstruktur jabatan untuk lebih fleksibel serta lebih fokus kepada fungsi teras dengan perkhidmatan-perkhidmatan bukan teras pula dikenal pasti untuk dialih daya atau dihapuskan.
- v. Mengukuhkan perjawatan dengan menyusun fungsi perkhidmatan bagi mengelak pertindihan; dan
- vi. Merekayasakan proses kerja supaya produktiviti dipertingkatkan bagi memberi impak yang maksimum dalam menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat.

PENYAMPAIAN ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS TAHUN 2019

30. Pegawai Pengawal dikehendaki mengemukakan Justifikasi Bagi Peruntukan Dasar Baru dan *One-Off* dalam Cadangan Bajet Mengurus 2020 serta penyediaan data bajet dalam Sistem SPEKS kepada Perbendaharaan Negeri **selewat-lewatnya pada 31 Mei 2019**. Bagi memastikan kelancaran proses selanjutnya dalam penyediaan bajet dan supaya bajet ini dapat disediakan untuk pembentangan dan pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri di dalam tempoh yang telah ditetapkan, **akses kepada Modul Bajet dalam sistem SPEKS bagi tujuan kemasukan data Bajet 2020 akan disekat secara automatik oleh sistem selepas tarikh tersebut**. Oleh itu, Pegawai Pengawal hendaklah memastikan Cadangan Bajet 2020 dikemukakan dengan lengkap sebelum tarikh tersebut bagi mengelakkan kesulitan. Jabatan yang tidak mematuhi arahan ini akan menghadapi risiko bajet mereka tidak dipertimbangkan atau diberi bajet menurut budi bicara Perbendaharaan Negeri.

PERKARA – PERKARA LAIN

- 31. Di dalam proses penyediaan bajet, Pegawai Pengawal hendaklah memberi perhatian yang serius terhadap teguran audit yang dibangkitkan. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan adanya keberkesanan tindakan yang diambil ke atas teguran-teguran tersebut serta syor Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri bagi membolehkan usaha penambahbaikan berserta langkah penjimatan dilaksanakan yang dapat membantu penyediaan permohonan bajet yang lebih berhemah.

32. Pegawai Pengawal adalah diingatkan supaya merancang dan menyediakan anggaran keperluan dengan teliti dan telus bagi mengelakkan keperluan peruntukan tambahan. Pegawai Pengawal hendaklah mengemukakan cadangan bajet mengikut arahan dan peraturan serta dalam tempoh yang ditetapkan oleh Pekeliling ini. Setiap Jabatan/Agensi perlu membuat pengorbanan ke atas bajet jabatan masing-masing. Perbendaharaan Negeri juga akan mengambil langkah-langkah yang bersesuaian dari semasa ke semasa untuk memulihkan aliran tunai Kerajaan Negeri.

Sekian, terima kasih.

" TERENGGANU MAJU, BERKAT, SEJAHTERA "
" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD ZAHARI BIN MD AZAHAR)
Pegawai Kewangan Negeri
Terengganu.

6 Mei 2019

s.k. :

Y.B Setiausaha Kerajaan Terengganu

Setiausaha Sulit Kanan Kepada YAB. Menteri Besar Terengganu

Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Terengganu

Ketua-Ketua Badan Berkanun Negeri Terengganu

Bendahari Negeri Terengganu

Unit SPEKS Perbendaharaan Negeri Terengganu

LAMPIRAN A

FORMAT JUSTIFIKASI BAJET TAHUN 2020

Jabatan : Maksud Bekalan : B
 PTJ :

| Kod Aktiviti | Objek Sebagai | Objek Lanjut | Bajet 2019(RM) | Bajet 2020(RM) | Beza (RM) | % Beza |
|--------------|---------------|--------------|----------------|----------------|-----------|--------|
| | | | | | | |

- i. Nama dan Ringkasan Program/ Aktiviti
- ii. Objektif
- iii. Sasaran penggunaannya dan impak kepada golongan sasaran
- iv. Sebab-sebab melebihi batas

SENARAI EDARAN :-

1. Yang Berhormat
Setiausaha Kerajaan Terengganu
Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu
Tingkat 15, Wisma Darul Iman
20503 Kuala Terengganu
2. Yang Berhormat
Pegawai Kewangan Negeri Terengganu
Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu
Tingkat 4, Wisma Darul Iman
20592 Kuala Terengganu
3. Pengarah Tanah Dan Galian
Pejabat Tanah dan Galian Terengganu
Tingkat 7 & 11, Wisma Darul Iman
20576 Kuala Terengganu
4. Dato' Pengelola Bijaya Diraja
Pejabat K.D.Y.M.M. Sultan Terengganu
Chendering, 20050 Kuala Terengganu
5. Setiausaha
Dewan Undangan Negeri
Pejabat Dewan Undangan Negeri
Tingkat U2, Blok Podium, Wisma Darul Iman
20200 Kuala Terengganu
6. Pegawai Daerah Kuala Terengganu
Pejabat Daerah Kuala Terengganu
Kompleks Seri Iman, Jalan Sultan Mohamad
20692 Kuala Terengganu
7. Pegawai Daerah Hulu Terengganu
Pejabat Daerah Hulu Terengganu
21700 Hulu Terengganu
Terengganu
8. Pegawai Daerah Kemaman
Pejabat Daerah Kemaman
24000 Kemaman
Terengganu
9. Pegawai Daerah Besut
Pejabat Daerah Besut
22200 Kampung Raja, Besut
Terengganu
10. Pegawai Daerah Dungun
Pejabat Daerah Dungun
23000 Dungun
Terengganu

11. Pegawai Daerah Marang
Pejabat Daerah Marang
21600 Marang
Terengganu
12. Pegawai Daerah Setiu
Pejabat Daerah Setiu
22100 Permaisuri, Setiu
Terengganu
13. Pegawai Daerah Kuala Nerus
Pejabat Daerah Kuala Nerus
14. Pentadbir Tanah Kuala Terengganu
Pejabat Tanah Kuala Terengganu
Kompleks Seri Iman, Jalan Sultan Mohamad
20692 Kuala Terengganu
15. Pentadbir Tanah Hulu Terengganu
Pejabat Tanah Hulu Terengganu
21700 Hulu Terengganu
Terengganu
16. Pentadbir Tanah Kemaman
Pejabat Tanah Kemaman
24000 Kemaman
Terengganu
17. Pentadbir Tanah Besut
Pejabat Tanah Besut
22200 Kampung Raja, Besut
Terengganu
18. Pentadbir Tanah Dungun
Pejabat Tanah Dungun
23000 Dungun
Terengganu
19. Pentadbir Tanah Marang
Pejabat Tanah Marang
21600 Marang
Terengganu
20. Pentadbir Tanah Setiu
Pejabat Tanah Setiu
22100 Permaisuri, Setiu
Terengganu
21. Pentadbir Tanah Kuala Nerus
Pejabat Tanah Kuala Nerus.

22. Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Terengganu
Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu
Pusat Pentadbiran Islam Terengganu
Kompleks Seri Iman, Jalan Sultan Mohamad
20676 Kuala Terengganu
23. Pengarah Kerja Raya Negeri
Jabatan Kerja Raya Terengganu
Tingkat 12, Wisma Negeri
20200 Kuala Terengganu
24. Pengarah Perhutanan Negeri
Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu
Tingkat 8, Wisma Negeri
20200 Kuala Terengganu
25. Setiausaha
Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri
Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri
Tingkat 7, Wisma Negeri
20200 Kuala Terengganu
26. Pengarah Pengairan & Saliran Negeri
Jabatan Pengairan & Saliran
Tingkat 6, Wisma Negeri
20626 Kuala Terengganu
27. Pengarah Pertanian Negeri
Jabatan Pertanian Negeri Terengganu
Tingkat 5, Wisma Negeri
20632 Kuala Terengganu
28. Pengarah Perancangan Bandar & Desa
Jabatan Perancangan Bandar & Desa Negeri
Tingkat 4, Wisma Negeri
20646 Kuala Terengganu
29. Pengarah Bekalan Air Terengganu
Jabatan Bekalan Air
Tingkat 2, Wisma Negeri
20200 Kuala Terengganu
30. Pengarah Kebajikan Masyarakat
Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Terengganu
Tingkat 1, Wisma Negeri
20564 Kuala Terengganu
31. Mufti Negeri Terengganu
Jabatan Mufti Negeri Terengganu
Tingkat 1, Pusat Pentadbiran Islam Terengganu
Jalan Sultan Mohamad
20676 Kuala Terengganu

32. Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Terengganu
Jalan Sultan Mohamad
21100 Kuala Terengganu
33. Pengarah
Jabatan Pendakwaan Syariah Terengganu
Aras 4, Kompleks Seri Iman
Pusat Pentadbiran Islam Negeri
20676 Kuala Terengganu
34. Pengarah Perkhidmatan Veterinar
Jabatan Perkhidmatan Veterinar Terengganu
Peti Surat 203, Jalan Bukit Kecil
20720 Kuala Terengganu
35. Pengarah Mineral dan Geosains
Jabatan Mineral dan Geosains Terengganu
Lot PT3102K, Jalan Sultan Sulaiman
20000 Kuala Terengganu

SALINAN KEPADA :-

1. Setiausaha Sulit Kanan Kepada
Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu
Pejabat Menteri Besar Terengganu
Tingkat 16, Wisma Darul Iman
20502 Kuala Terengganu
2. Pengerusi J/K Pelaksanaan Syariah, Pendidikan Dan Pengajian Tinggi
Pejabat EXCO Negeri
Tingkat 6, Wisma Darul Iman
20200 Kuala Terengganu
3. Pengerusi J/K Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan Dan Alam Sekitar
Pejabat EXCO Negeri
Tingkat 6, Wisma Darul Iman
20200 Kuala Terengganu
4. Pengerusi J/K Pembangunan Insan, Dakwah Dan Penerangan
Pejabat EXCO Negeri
Tingkat 6, Wisma Darul Iman
20200 Kuala Terengganu
5. Pengerusi J/K Pertanian, Industri Asas Tani Dan Pembangunan Desa
Pejabat EXCO Negeri
Tingkat 6, Wisma Darul Iman
20200 Kuala Terengganu

6. Pengerusi J/K Perdagangan, Perindustrian, Pembangunan Wilayah Dan Kesejahteraan Pentadbiran
Pejabat EXCO Negeri
Tingkat 5, Wisma Darul Iman
20200 Kuala Terengganu
7. Pengerusi J/K Pelancongan, Kebudayaan Dan Teknologi Maklumat
Pejabat EXCO Negeri
Tingkat 5, Wisma Darul Iman
20200 Kuala Terengganu
8. Pengerusi J/K Kebajikan, Pembangunan Wanita Dan Keluarga Dan Perpaduan Sosial
Pejabat EXCO Negeri
Tingkat 6, Wisma Darul Iman
20200 Kuala Terengganu
9. Pengerusi J/K Pembangunan Belia, Sukan Dan NGO
Pejabat EXCO Negeri
Tingkat 5, Wisma Darul Iman
20200 Kuala Terengganu
10. Pengerusi J/K Infrastruktur, Kemudahan Awam, Utiliti Dan Teknologi Hijau
Pejabat EXCO Negeri
Tingkat 5, Wisma Darul Iman
20200 Kuala Terengganu
11. Pengerusi J/K Keusahawanan, Industri Mikro Dan Hal Ehwal Penjaja
Pejabat EXCO Negeri
Tingkat 5, Wisma Darul Iman
20200 Kuala Terengganu
12. Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Kuala Terengganu
Tingkat 8, Menara Permint
Jalan Sultan Ismail
20200 Kuala Terengganu
13. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kemaman
24000 Kemaman
Terengganu
14. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Dungun
23000 Dungun
Terengganu
15. Yang Dipertua
Majlis Daerah Hulu Terengganu
21700 Hulu Terengganu
Terengganu

16. Yang Dipertua
Majlis Daerah Besut
22200 Besut
Terengganu
17. Yang Dipertua
Majlis Daerah Marang
21600 Marang
Terengganu
18. Yang Dipertua
Majlis Daerah setiu
22100 Permaisuri, Setiu
Terengganu
19. Pengurus Besar PMINT
Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu
Tingkat 14, Menara Permint
Jalan Sultan Ismail
20200 Kuala Terengganu
20. Pengarah
Yayasan Terengganu
Bangunan Yayasan
Jalan Sultan Ismail
20200 Kuala Terengganu
21. Pengarah
Yayasan Islam Terengganu
Tingkat 10 & 11, Menara Yayasan Islam
Jalan Sultan Omar
20300 Kuala Terengganu
22. Pengarah Muzium
Lembaga Muzium Negeri Terengganu
Bukit Losong
20566 Kuala Terengganu
23. Pengarah Perpustakaan Awam
Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu
Jalan Kemajuan, Padang Hiliran
21572 Kuala Terengganu
24. Ketua Pegawai Eksekutif MAIDAM
Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu
Pusat Pentadbiran Islam Terengganu
Kompleks Seri Iman, Jalan Sultan Mohamad
20519 Kuala Terengganu

25. Pengarah
Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu
Jalan Sultan Omar
20300 Kuala Terengganu

26. Pengurus Besar
Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu
Pusat Dagangan Terengganu (TTC)
Padang Hiliran, Jalan Sultan Mohamad
21100 Kuala Terengganu

27. Rektor
TATI University College (TATIUC)
Terengganu Advanced Technical Institute (TATI)
Kampus TATI, Telok Kalong
24000 Kemaman
Terengganu

28. Pengurus Besar TESDEC
Tesdec Sdn.bhd
Kawasan Perindustrian Bukit Khor
21600 Marang
Terangganu

29. Setiausaha
Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu
No.61 & 62, Paya Keladi,
Jalan Banggol
20100 Kuala Terengganu